

Pasaran saham perlu teguh – Abdullah

UM-29/11/2006

PORT DICKSON 28 Nov. – Pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan pasaran saham yang teguh sangat penting bagi mewujudkan keyakinan terhadap ekonomi negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.


Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu melihat pertumbuhan ekonomi diperkukuh dan usaha penambahbaikan dilakukan dalam Bursa Malaysia.

Menurutnya, penambahbaikan pasaran saham akan menonjolkan imej bursa dan dapat menjana keuntungan, sekaligus memastikan wujudnya aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih mantap ke negara ini.

“Tidak apa jika ia (Bursa Malaysia) meningkat perlahan. Malahan kita telah melepasi paras 1,000 mata (Indeks Komposit Kuala Lumpur) sebelum akhir tahun ini walaupun pada awalnya ada pihak yang ragu-ragu (dengan pasaran saham kita),” kata Abdullah pada sesi dialog dengan peserta PNB World Investment Challenge (PNB WIC) di sini hari ini.

Ketika menjawab soalan peserta program itu mengenai kekurangan pelaburan asing dalam pasaran saham negara ini, Abdullah menjelaskan ketika ini sentimen dalam pasaran telah bertambah baik.

Katanya, khabar angin yang tersebar sebelum ini mengatakan tidak ada



Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL dan TARMIZI ABDUL RAHIM

pembangunan, berlaku ketidakcekan, kekurangan suasana pelaburan dan pelabur lari dari pasaran.

Menurut Abdullah, ini menyebabkan pasaran saham negara menjadi lemah.

Perdana Menteri juga menjelaskan, kerajaan akan membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk memberi nafas baru kepada pasaran hartanah.

“Laporan mengenai pasaran yang lemah adalah tidak elok. Kita mahu pelabur datang ke sini, tinggal di negara ini dan membeli hartanah,” katanya.

Perdana Menteri turut memberi reaksi kepada soalan yang dibangkitkan oleh peserta program itu mengenai golongan profesional seperti doktor te-

lah meninggalkan sektor kerajaan untuk menyertai sektor swasta bagi mengejar pendapatan yang lebih tinggi.

Beliau berkata, kerajaan tidak berhasrat untuk bersaing dengan sektor swasta dari segi menawarkan gaji yang lebih mahal.

Abdullah turut menjelaskan bahawa gaji kakitangan kerajaan di Malaysia masih tinggi dan ia mencerminkan keadaan ekonomi dan kos hidup di negara ini.

“Jika kami (kerajaan) tidak menaikkan gaji, kami akan beri mereka (kakitangan) bonus,” kata Abdullah yang juga Menteri Kewangan.

Menurutnya, kerajaan sentiasa menjaga kebajikan dan kesejahteraan kakitangan awam bagi mengelakkan mereka cenderung terlibat dalam rasuah.

Abdullah berkata, rakyat tidak harus membandingkan pendapatan kakitangan awam Malaysia dengan gaji kakitangan awam yang tinggi di negara maju seperti Jepun kerana kos kehidupan di negara berkenaan sangat tinggi.

Menurutnya, kos hidup di negara ini jauh lebih rendah berbanding negara-negara maju yang menawarkan gaji tinggi.

“Disebabkan kos hidup yang tinggi di negara berkenaan, kita (kerajaan) terpaksa menyemak semula kadar biasiswa kepada pelajar kita yang belajar di negara berkenaan,” katanya.